

# Nekad rempuh peragut

H.M 8/9/09 M/S 10

## Jeritan isteri cetus semangat kejar, langgar motosikal dua lelaki rentap beg tangan pemandu kereta

>>Oleh Hadzlihady Hassan  
hadzlihady@hmetro.com.my

**A**MPANG: Tindakan berani sepasang suami isteri mengejar dan melanggar motosikal dinai dua lelaki yang meragut beg tangan seorang wanita di Jalan Besar Bandar Baru Ampang di sini, membawa kepada penahanan seorang daripada penjenayah berkenaan.

Pasangan itu, Irwan Shah Abdul Lajis, 29, berkata dia sempat bertanya isterinya, Fazilina Darus, 29, sama ada berani mengejar dua peragut yang baru merampas beg tangan seorang wanita yang berada di hadapan mereka.

"Jeritan isteri menyuruh mengejar dua penjenayah terbabit bagaikan memberi semangat kepada saya sebelum saya terus melanggar motosikal ditunggangi peragut berkenaan," katanya.

Beliau berkata, ketika itu, dia dalam perjalanan menghantar isterinya ke tempat kerja dengan menunggang motosikal kira-kira jam 8 pagi, semalam.

Menurutnya, ketika berada dalam kesesakan trafik di Bandar Baru Ampang, dia pada mulanya menyangka kejadian itu berpunca daripada pergaduhan antara penunggang motosikal dan pemandu kereta, namun terkejut apabila mendapati pembonceng motosikal terbabit menarik keluar beg tangan daripada kenderaan berkenaan.

"Saya mulanya teragak-agak untuk mengejar kerana bimbang keselamatan isteri, namun bertukar fikiran selepas isteri menjerit meminta saya mengejar kedua-dua lelaki terbabit.

"Saya yakin dapat menangkap mereka kerana menyedari kawasan itu ialah 'hot



**IRWAN SHAH...yakin tangkap peragut**

**SHAHRINA...tergamam beg dirampas**

spot' iaitu ramai polis ronda dan membuatkan saya melanggar belakang motosikal mereka sebelum kami semua terjatuh," katanya.

Katanya, ketika detik cemas itu, dia dan seorang daripada penjenayah terbabit dihempap motosikal manakala isterinya terus bangun dan

menghampiri peragut terbabit.

"Secara kebetulan ketika itu, ada anggota polis yang melihat kejadian itu turut membantu kami menahan peragut terbabit," katanya yang mengakui ini pengalaman pertama dalam hidupnya.

Menurutnya, dia bersyukur kerana tidak cedera dan isterinya hanya cedera di lutut selepas mereka terjatuh daripada motosikal.

Sementara itu, mangsa kejadian ragut, Shahrina Akmar, 31, berkata dia pada mulanya memang ternampak dua peragut berkenaan yang menunggang motosikal menghampiri keretanya.

"Bagaimanapun, mereka terlalu pantas dan pembonceng motosikal secara tiba-tiba mengetuk cermin di sebelah penumpang dua kali menggunakan batu.

"Ketika itu, saya tergamam dan langsung tidak dapat berbuat apa-apa selain bimbang keselamatan diri dan hanya memerhatikan peragut merampas beg tangan yang diletakkan di kerusi penumpang hadapan," katanya.

Katanya, ketika itu jalan raya agak sesak dan dia dalam

perjalanan ke stesen LRT di Ampang untuk ke tempat kerja.

Menurutnya, dia amat berterima kasih kepada pasangan suami isteri berkenaan yang amat berani dan memuji tindakan pantas polis menahan peragut terbabit.

Sementara itu, Ketua Polis Ampang Jaya, Asisten Komisioner Abd Jalil Hasan, berkata polis menahan serong daripada peragut terbabit manakala rakannya sempat melarikan diri.

Menurutnya, empat anggota polis yang membuat rondaan Ops Utama Perdana di kawasan berkenaan melihat kejadian itu dan segera memberi bantuan.

"Suspek yang ditahan itu berusia 17 tahun manakala rakannya yang berusia 20 tahun sudah dikenal pasti dan kami akan menahannya dalam tempoh terdekat," katanya.